

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping dapat membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM38.24 juta, iaitu menurun sebanyak RM28.88 juta (43%) berbanding RM67.12 juta pada akhir tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM23.16 juta. Defisit pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM4.17 juta berbanding defisit RM18.99 juta pada tahun 2020. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM497.02 juta atau 4.9% berbanding RM473.86 juta pada tahun 2020.
- Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM0.32 juta (0.3%) menjadi RM114.02 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak RM4.49 juta menjadi RM132.69 juta.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-12 pada tahun 2021 adalah sangat baik, iaitu sejumlah RM48.60 juta (98%) telah dibelanjakan berbanding RM49.57 juta yang diperuntukkan. Daripada 574 jumlah projek yang dirancang, 559 projek (97.4%) telah disiapkan sepenuhnya, lapan projek (1.4%) sedang dilaksanakan dan tujuh projek (1.2%) ditangguhkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM0.29 juta (0.3%) daripada RM107.39 juta pada tahun 2020 kepada RM107.68 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM2.77 juta (3%) daripada RM91.17 juta pada tahun 2020 kepada RM93.94 juta pada tahun 2021.
- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM12.39 juta (4.4%) menjadi RM291.73 juta berbanding RM279.34 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM3.99 juta (2.2%) menjadi RM186.54 juta berbanding RM182.55 juta pada tahun 2020.

Apa Yang Disyorkan Audit

- Sebagai langkah penambahbaikan, Kerajaan Negeri Perlis adalah disyorkan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:
 - berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk menggiatkan usaha bagi mengutip tunggakan hasil dan mengurangkan baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada jabatan dan agensi kerajaan terlibat. Dalam masa yang sama, perbelanjaan secara berhemat perlu terus diamalkan;
 - mengawal perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa; dan
 - memastikan akaun deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, diambil tindakan pewartaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan sepetimana ketetapan Arahan Perbendaharaan 162.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA		
PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 - RM114.02 juta	2021 - (RM497.02 juta)	2021 - RM107.68 juta
2020 - RM113.70 juta	2020 - (RM473.86 juta)	2020 - RM107.39 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2021 - RM185.78 juta	2021 - RM0	2021 - RM0
2020 - RM175.99 juta	2020 - RM0	2020 - RM0
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2021 - RM535.26 juta	2021 - RM291.73 juta
	2020 - RM540.98 juta	2020 - RM279.34 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2021, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM71.76 juta, peningkatan sebanyak RM9.47 juta atau 15.2%, berbanding defisit RM62.29 juta pada tahun 2020. Hasil Kerajaan negeri berjumlah RM114.02 juta, manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM185.78 juta. Hasil Kerajaan negeri meningkat sejumlah RM0.32 juta atau 0.3%, berbanding RM113.70 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.49 juta atau 3.4% menjadi RM137.18 juta pada tahun 2021 berbanding RM132.69 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat sebanyak RM5.30 juta atau 12.2% menjadi RM48.60 juta pada tahun 2021 berbanding RM43.30 juta pada tahun 2020.

3.3. Kerajaan negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM34.71 juta; Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM14.11 juta; terimaan Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM0.61 juta; serta perubahan dalam Wang Tunai dan Kumpulan Wang Amanah yang keseluruhannya berjumlah RM22.33 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2020 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	114.02	113.70	0.32	0.3
Perbelanjaan Mengurus	137.18	132.69	4.49	3.4
Perbelanjaan Pembangunan	48.60	43.30	5.30	12.2
DEFISIT	(71.76)	(62.29)	(9.47)	15.2
Kurangan dibiayai oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	49.43	58.70	(9.27)	(15.8)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	22.33	3.59	18.74	522.0
JUMLAH	71.76	62.29	9.47	15.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM38.24 juta. Jumlah tersebut merupakan Wang Tunai berjumlah

RM38.24 juta. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Disatukan mencatat penurunan sebanyak RM28.88 juta atau 43% berbanding RM67.12 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan dalam Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM23.19 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM5.72 juta pada tahun 2021 yang terdiri daripada kurangan Kumpulan Wang Amanah Awam dan kurangan Akaun Wang Deposit. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Akaun Hasil Disatukan	(497.02)	(473.86)	(23.16)	4.9
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	535.26	540.98	(5.72)	(1.1)
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
	Kumpulan Wang Pembangunan	36.61	35.78	0.83	2.3
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	410.66	405.72	4.94	1.2
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	43.27	45.70	(2.43)	(5.3)
	iii) Akaun Wang Deposit	44.72	53.78	(9.06)	(16.8)
JUMLAH		38.24	67.12	(28.88)	(43.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan bagi tahun 2019 dan 2020 dan penurunan bagi tahun 2018 dan 2021. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2020 dan yang terendah adalah pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.


JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(438.21)	(453.62)	(454.87)	(473.86)	(497.02)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	474.19	475.82	500.25	540.98	535.26
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:					
	Kumpulan Wang Pembangunan	3.53	11.63	20.38	35.78	36.61
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	iii) Akaun Wang Deposit					
	iv) Akaun Pinjaman Disatukan					
	v) Akaun Hasil Disatukan					

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	385.32	364.64	389.81	405.72	410.66
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	42.68	36.07	32.50	45.70	43.27
	iii) Akaun Wang Deposit	42.66	63.48	57.56	53.78	44.72
	JUMLAH	35.98	22.20	45.38	67.12	38.24

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM28.88 juta, atau 43% menjadi RM38.24 juta berbanding RM67.12 juta pada tahun 2020. Secara keseluruhannya, penurunan baki Wang Tunai Dalam Bank pada akhir tahun 2021 adalah disebabkan oleh pengurangan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh 3 bulan atau kurang sebanyak RM27 juta berbanding tahun 2020 dan tiada Geran Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian 1 yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berbanding RM2.93 juta diterima pada tahun 2020. Tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Perjalanan sejumlah RM1,292.21 dinyatakan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2021. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	38.20	67.08	(28.88)	(43.1)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00*	0.00	0.00	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.04	0.04	0.00	-
Jumlah		38.24	67.12	(28.88)	(43.0)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

*Nota: RM1,292

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. **Pada tahun 2021, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan defisit berjumlah RM23.16 juta, peningkatan sejumlah RM4.17 juta berbanding defisit berjumlah RM18.99 juta pada tahun 2020.** Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM137.18 juta, melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM114.02 juta. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM23.16 juta (4.9%) menjadi defisit RM497.02 juta berbanding defisit RM473.86 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(473.86)	(454.87)	(18.99)	4.2
Hasil	114.02	113.70	0.32	0.3
Perbelanjaan Mengurus	137.18	132.69	4.49	3.4
Lebihan/Defisit Bagi Tahun	(23.16)	(18.99)	(4.17)	22.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	(497.02)	(473.86)	(23.16)	4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.1. Hasil

6.1.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga kategori hasil, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2021, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM114.02 juta atau 105.4% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM108.18 juta. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2021 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KUTIPAN HASIL SEBENAR
PADA TAHUN 2021 BERBANDING ANGGINAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	ANGGINAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	21.28	20.58	(0.70)	96.7
2.	Hasil Bukan Cukai	21.09	27.75	6.66	131.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	65.81	65.69	(0.12)	99.8
	JUMLAH	108.18	114.02	5.84	105.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021


6.1.2. Secara keseluruhannya, **hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM114.02 juta, meningkat sebanyak RM0.32 juta atau 0.3% berbanding RM113.70 juta pada tahun 2020**. Kutipan hasil pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 2**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	20.58	21.60	(1.02)	(4.7)
2.	Hasil Bukan Cukai	27.75	20.44	7.31	35.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	65.69	71.66	(5.97)	(8.3)
	JUMLAH	114.02	113.70	0.32	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 DAN 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.1.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan, Cukai Tanah Semasa, Premium Tanah, Premium Tukar Syarat Tanah dan Cukai Hasil Hutan. Lima butiran hasil ini telah menyumbang RM93.31 juta atau 81.8% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2021 yang berjumlah RM114.02 juta. Pada tahun 2020, hasil bagi lima butiran tersebut adalah berjumlah RM89.27 juta atau 78.5% daripada keseluruhan hasil yang diterima berjumlah RM113.70 juta. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2021 dan 2020 menunjukkan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah penyumbang utama hasil Kerajaan negeri, diikuti dengan Cukai Tanah Semasa dan Premium Tukar Syarat Tanah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	62.71	65.47	(2.76)	(4.2)
2.	Cukai Tanah Semasa	15.83	16.00	(0.17)	(1.1)
3.	Premium Tanah	9.92	2.87	7.05	245.6
4.	Premium Tukar Syarat Tanah	2.67	3.14	0.47	15.0
5.	Cukai Hasil Hutan	2.18	1.79	0.39	21.8
JUMLAH		93.31	89.27	4.04	4.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.1.4. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi lima butiran hasil yang mencatatkan peningkatan hasil yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Tanah yang Lain	9.92	2.87	7.05	245.6	Kelulusan bagi permohonan Pemberimilikan Tanah pada tahun 2020 dan sebelumnya diselesaikan pada tahun 2021. Jumlah kelulusan pada tahun 2020 sebanyak 330 berbanding tahun 2021 sebanyak 323. Bagaimanapun, jumlah bayaran tidak tertakluk kepada bilangan kelulusan pada tahun semasa. Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan ialah menerima bayaran Premium bagi kelulusan yang telah diberikan.
2.	Sewa Bangunan yang Lain	1.43	0.14	1.29	921.4	Terima bayaran sewaan dewan-dewan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUKPs) bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Negeri Perlis Tahun 2021 berjumlah RM1.38 juta.
3.	Pelbagai Terimaan yang Lain	1.00	0.10	0.90	900.0	Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menerima sumbangan secara <i>one-off</i> daripada Menteri Besar Incorporation (MBI) sebanyak RM1 juta.
4.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	1.26	0.52	0.74	142.3	Terima bayaran balik deposit pengambilan tanah projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Pauh (projek yang dibatalkan) berjumlah RM0.66 juta.

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
5.	Permit Dolomite	3.22	2.49	0.73	29.3	Permintaan dolomite meningkat kerana dolomite diproses untuk dijadikan baja. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah membuat permohonan untuk membekalkan baja bagi Industri Pertanian di seluruh Malaysia.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi lima butiran hasil yang mencatatkan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Lebihan dari Penutupan Akaun Amanah	0.00	4.19	(4.19)	(100.0)	Tiada penutupan akaun amanah pada tahun 2021.
2.	Pemberian Pertambahan Hasil	0.00	2.93	(2.93)	(100.0)	Tiada pertambahan hasil daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tahun kewangan sebelumnya. Pemberian ini berasaskan prinsip <i>revenue sharing</i> yang akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 & (Pindaan) 1990 & 2007.
3.	Tunggakan Cukai Tanah	1.74	2.92	(1.18)	(40.4)	Perbezaan adalah disebabkan terimaan tunggakan cukai tanah pada tahun 2021 tidak melibatkan terimaan amanah besar berbanding tahun 2020.
4.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	15.15	15.95	(0.8)	(5.0)	Kesan daripada pandemik menyebabkan pelbagai urusan tertakluk kepada <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> yang telah ditetapkan menghadkan pergerakan dan operasi pejabat serta ramai yang terjejas pendapatan dan tidak dapat membuat bayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.
5.	Pelbagai Hasil Tahun Lalu	0.00	0.68	(0.68)	(100.0)	Tiada kutipan di bawah kod hasil kerana Kerajaan negeri telah memberi Moratorium Pembayaran Tunggakan Jualan Air kepada Syarikat Air Perlis (SAP) selama 3 tahun bermula September 2020 hingga September 2023 (Rujukan Surat Perb.Ps 04/012/1 Jld.4(6) Bertarikh 24.11.2020).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain.

6.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2021 bertarikh 10 Disember 2020 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM175.69 juta selaras dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri Perlis. Peruntukan mengurus Kerajaan negeri telah disemak semula ke atas peruntukan asal dengan pengurangan sebanyak RM33.76 juta. Hal ini menjadikan peruntukan mengurus tahun 2021 berjumlah RM141.93 juta selepas semakan semula.

6.2.3. Analisis Audit mendapati **peruntukan mengurus bagi tahun 2021 meningkat sebanyak RM1.95 juta atau 1.4% menjadi RM141.93 juta berbanding RM139.98 juta yang diluluskan pada tahun 2020.**

Peruntukan mengurus bagi butiran Aset mencatatkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak RM1.81 juta (59.5%) menjadi RM4.85 juta pada tahun 2021 berbanding RM3.04 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh peruntukan bagi perolehan kenderaan yang dibuat oleh Kerajaan negeri dalam tahun semasa berjumlah RM1.08 juta. Peruntukan bagi butiran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berkang sebanyak RM3.07 juta (11.6%) pada tahun 2021 berbanding RM26.41 juta pada tahun 2020. Penurunan peruntukan ini disebabkan pengurangan terhadap bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen, Gantian Cuti Rehat, ganjaran serta pemberian dan bantuan lain. Kedudukan peruntukan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 mengikut butiran perbelanjaan seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
PERUNTUKAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN MENGURUS		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	56.30	54.79	1.51	2.8
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	54.87	54.49	0.38	0.7
3.	Aset	4.85	3.04	1.81	59.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23.34	26.41	(3.07)	(11.6)
5.	Perbelanjaan Lain	2.57	1.25	1.32	105.6
JUMLAH		141.93	139.98	1.95	1.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.4. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM137.18 juta atau 96.7% berbanding anggaran berjumlah RM141.93 juta. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
				(%)	
1.	Emolumen	56.30	53.69	95.4	
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	54.87	52.94	96.5	
3.	Aset	4.85	4.74	97.7	
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23.34	23.25	99.6	
5.	Perbelanjaan Lain	2.57	2.56	99.6	
JUMLAH		141.93	137.18	96.7	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.2.5. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri telah meningkat sebanyak RM4.49 juta atau 3.4% menjadi RM137.18 juta berbanding RM132.69 juta bagi tahun 2020. Perbelanjaan meningkat disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan dalam butiran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset serta Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	53.69	52.17	1.52	2.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	52.94	51.58	1.36	2.6
3.	Aset	4.74	2.94	1.80	61.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23.25	24.78	(1.53)	(6.2)
5.	Perbelanjaan Lain	2.56	1.22	1.34	109.8
JUMLAH		137.18	132.69	4.49	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.6. Analisis Audit mendapati **punca peningkatan dalam perbelanjaan mengurus antaranya disebabkan peningkatan Perkhidmatan Iktisas sebanyak RM1.43 juta atau 7.1% berbanding perbelanjaan tahun 2020.** Selain itu, peningkatan Pemberian Dalam Negeri sebanyak RM1.38 juta atau 11.6% berbanding perbelanjaan tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan bilangan bantuan bagi tahun 2021.

6.2.7. Peningkatan butiran Pulangan Balik/Hapus Kira sebanyak RM1.34 juta atau 2,680% adalah disebabkan pembayaran balik Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) kepada pihak kontraktor berjumlah RM1.03 juta. Manakala peningkatan dalam butiran Gaji dan Upahan sebanyak RM0.93 juta atau 2.8% berbanding tahun 2020 adalah disebabkan oleh peningkatan gaji tahunan dan pertambahan kakitangan baru. Selain itu, pertambahan dalam butiran Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli sebanyak RM0.84 juta atau 4.9% adalah disebabkan oleh peningkatan kos penyelenggaraan kerana pertambahan usia guna aset. Justifikasi peningkatan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14.**

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan Iktisas	21.68	20.25	1.43	7.1	Program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2021 dilaksanakan semula setelah arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibatalkan. Perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan peruntukan yang diterima dan semua jabatan telah mengoptimumkan perbelanjaan bagi mendapatkan perkhidmatan yang menguntungkan Kerajaan negeri.

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
2.	Pemberian Dalam Negeri	13.25	11.87	1.38	11.6	Peningkatan perbelanjaan untuk pelbagai bantuan kebajikan kesan penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP tahun ke-2 (2021) termasuk pelaksanaan penuh PKP 3.0. Bantuan baharu dilaksanakan pada tahun 2021 yang turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan terutama dalam kategori sumbangan pelbagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti bantuan peralatan bengkel, bantuan peralatan am, bantuan peralatan perniagaan, bantuan makanan asas (PAHADOI Julai), sumbangan am serta sumbangan bagi bantuan banjir di negeri Selangor.
3.	Pulang Balik / Hapus Kira	1.39	0.05	1.34	2,680	Pada tahun 2021, peningkatan perbelanjaan disebabkan pembayaran balik Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) kepada pihak kontraktor berjumlah RM1.03 juta.
4.	Gaji dan Upahan	34.68	33.75	0.93	2.8	Peningkatan gaji tahunan dan pertambahan kakitangan baharu.
5.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	18.00	17.16	0.84	4.9	Peningkatan kos penyelenggaraan disebabkan pertambahan usia guna aset.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.8. Sementara itu, justifikasi penurunan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Bayaran Hutang Negara	2.80	5.70	(2.90)	(50.9)	Pembayaran balik pinjaman bagi sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) dibayar mengikut anuiti tahunan sedangkan PKENPs membuat pembayaran balik kepada Kerajaan negeri berdasarkan kepada kedudukan kewangan agensi.

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
2.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	0.93	1.61	(0.68)	(42.2)	Pada tahun 2021, kebanyakan mesyuarat dan latihan diadakan secara dalam talian dan juga terdapat program dan aktiviti yang ditangguh atau dibatalkan akibat pandemik Covid-19. Peruntukan yang tidak digunakan telah dipindah peruntukan kepada perbelanjaan lain yang lebih memerlukan.
3.	Perhubungan dan Utiliti	6.49	6.77	(0.28)	(4.1)	Penurunan terbesar adalah daripada penjimatan penggunaan elektrik memandangkan kebanyakan jabatan mengamalkan penggiliran waktu bekerja dan meminimumkan penggunaan elektrik.
4.	Aset Tidak Ketara	0.21	0.47	(0.26)	(55.3)	Pada tahun 2021, tiada perolehan pangkalan data dan pengurusan pangkalan data berbanding pada tahun 2020 dengan nilai perolehan berjumlah RM145,000. Selain itu, pada tahun 2021 terdapat penjimatan dalam perolehan lesen berjumlah RM122,421.06. Peruntukan yang tidak digunakan telah dipindah peruntukan kepada perbelanjaan lain yang lebih memerlukan.
5	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	0.83	0.91	(0.08)	(8.8)	Penurunan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja disebabkan pengesahan ke dalam jawatan bagi pegawai bertaraf tetap.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.9. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya peruntukan di mana perbelanjaan dilakukan tidak mencukupi, permohonan pembayaran di bawah AP58(a) perlu mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (YB PKN).

- b. **Pada tahun 2021, sejumlah RM83,015 telah dibayar di bawah AP58(a) yang melibatkan 14 baucar bayaran di enam jabatan/pejabat/PTJ.** Jumlah terlibat adalah lebih rendah berbanding RM141,242 bagi 73 baucar bayaran pada tahun 2020. Perkara ini menunjukkan pembayaran di bawah AP58(a) menurun sebanyak RM58,227 atau 41.2% berbanding tahun 2020. Pengurangan ini adalah disebabkan tindakan Bendahari Negeri Perlis mengeluarkan Surat Pekeliling Bendahari Negeri Perlis Bilangan 1 Tahun 2021 Peraturan Penutupan Akaun Bagi Tahun Kewangan 2021 bersama Garis Panduan Pembayaran bagi Bulan Disember 2021 (SPBNPs Bil 1/2021) pada 4 Oktober 2021. Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021		2020	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis	-	0.00	40	122,597
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	10,283	9	5,490
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	-	0.00	14	5,847
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	5	68,298	1	1,528
5.	Jabatan Pertanian Negeri Perlis	1	3,666	1	2,983
6.	Jabatan-Jabatan Lain*	5	768	8	2,797
JUMLAH		14	83,015	73	141,242

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Jabatan-Jabatan Lain (Tahun 2021 - 2 Jabatan; Tahun 2020 - 2 Jabatan)

- c. Perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2021 antaranya melibatkan bayaran perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain, pembelian minyak, perbelanjaan perjalanan dan sara hidup serta utiliti. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

BIL.	JENIS PEMBAYARAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain	1	168
2.	Pembelian Minyak	4	4,079
3.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1	9,333
4.	Utiliti	8	69,435
JUMLAH		14	83,015

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

d. Semakan Audit mendapati enam baucar bayaran berjumlah RM77,630 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima. Sebanyak lima baucar berjumlah RM68,298 merupakan belanja utiliti tertunggak dari bulan Januari hingga Disember manakala satu baucar berjumlah RM9,332 merupakan tuntutan perjalanan pegawai bagi bulan November yang lewat dituntut. Kelewatan menerima tuntutan/bil daripada pegawai merupakan punca utama pembayaran di bawah AP58(a). Kesemua pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan YB PKN.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Subseksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang tertentu. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri menerima pinjaman berjumlah RM14.11 juta. Pinjaman ini adalah untuk bayaran Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM11.38 juta, dan tiga kelulusan pinjaman baru yang ditandatangani bagi projek bekalan air iaitu bayaran pinjaman Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Arau Fasa IV berjumlah RM0.65 juta, bayaran pinjaman Projek Menaiktaraf Pam Air Mentah dan Air Bersih Bertekanan Tinggi di Loji Rawatan Air Arau Fasa I,II dan III serta Intake Guar Sanji berjumlah RM0.61 juta dan bayaran Program Peningkatan Bekalan Air Terawat di Loji Rawatan Air Timah Tasoh berjumlah RM1.47 juta. Wang pinjaman yang diterima ini kemudiannya telah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	14.11	15.80	(1.69)	(10.7)
Bayaran	14.11	15.80	(1.69)	(10.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM535.26 juta berbanding RM540.98 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak RM5.72 juta atau 1.1%. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	447.27	441.50	5.77	1.3
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	36.61	35.78	0.83	2.3
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	410.66	405.72	4.94	1.2
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	43.27	45.70	(2.43)	(5.3)
iii) Akaun Wang Deposit	44.72	53.78	(9.06)	(16.8)
BAKI PADA 31 DISEMBER	535.26	540.98	(5.72)	(1.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.2. Analisis Audit menunjukkan **penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit masing-masing sebanyak RM2.43 juta dan RM9.06 juta.** Baki Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.83 juta pada tahun 2021. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga meningkat sebanyak RM4.94 juta, yang antaranya disumbangkan oleh peningkatan Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 juta dan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM1.85 juta. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2015 hingga 2021 seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 [*Akta 406*]. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.
- b. Terimaan kumpulan wang pada tahun 2021 berjumlah RM49.43 juta yang antaranya terdiri daripada Geran Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM34.71 juta; Ansuran Perumahan Awam berjumlah RM0.35 juta, Jualan Perumahan Kos Rendah berjumlah RM0.26 juta dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM14.11 juta.

c. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM48.60 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.30 juta (12.2%) berbanding RM43.30 juta pada tahun 2020. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM36.61 juta, peningkatan sebanyak RM0.83 juta (2.3%) berbanding RM35.78 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri menerima tambahan Geran Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.59 juta. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(%)		
Baki Pada 1 Januari	35.78	20.38	15.40	75.6
Penerimaan	49.43	58.70	(9.27)	(15.8)
Perbelanjaan	48.60	43.30	5.30	12.2
Lebihan/ (Kurangan) Semasa	0.83	15.40	(14.57)	94.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	36.61	35.78	0.83	2.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- d. Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM49.57 juta yang diperuntukkan kepada enam jabatan/pejabat. Berdasarkan peruntukan tersebut, sejumlah RM48.60 juta (98.0%) telah dibelanjakan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan perbelanjaan tertinggi, iaitu sebanyak RM3.44 juta (27.1%) menjadi RM16.13 juta pada tahun 2021 berbanding RM12.69 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan sejumlah RM16.13 juta antaranya bagi membiayai perbelanjaan Pembangunan Infrastruktur Awam Desa berjumlah RM6.63 juta, Pembinaan Gerai-Gerai Perniagaan dan Pasar Borong Majlis Perbandaran Kangar (MPK) berjumlah RM3.13 juta, pembiayaan bagi Projek Bekalan Air Terawat RM2.28 juta dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan Berpotensi berjumlah RM0.57 juta.
- e. Jabatan Perhutanan pula mencatatkan peningkatan perbelanjaan kedua tertinggi, iaitu sebanyak RM2.58 juta (573.3%) menjadi RM3.03 juta pada tahun 2021 berbanding RM0.45 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan sejumlah RM3.03 juta antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Taman Negeri Perlis berjumlah RM1.1 juta, pembiayaan perbelanjaan Pengukuran dan Penandaan Sempadan Hutan Simpan berjumlah RM0.6 juta, perbelanjaan Penubuhan Hutan Paya Bakau dan Spesis Pesisir Pantai berjumlah RM0.50 juta dan pembiayaan perbelanjaan

Peningkatan Kemudahan Gua Kelam 1 dan 2 berjumlah RM0.40 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan/pejabat pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	16.13	12.69	3.44	27.1
2.	Jabatan Perhutanan	3.03	0.45	2.58	573.3
3.	Jabatan Pertanian	3.82	3.51	0.31	8.8
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.69	0.49	0.20	40.8
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.45	7.06	(0.61)	(8.6)
6.	Jabatan Kerja Raya	18.48	19.10	(0.62)	(3.2)
JUMLAH		48.60	43.30	5.30	12.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- f. Perancangan bajet pembangunan disediakan oleh Kerajaan negeri secara tahunan seiring dengan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negeri dan selari dengan keperluan untuk mencapai *outcome* di peringkat jabatan dan negeri. Daripada RM49.57 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2021, sebanyak RM48.60 juta (98%) telah dibelanjakan. Didapati lima daripada enam jabatan/pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 97%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-12 mengikut jabatan/pejabat pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-12 PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	18.71	18.48	98.8
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	16.49	16.13	97.8
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	6.53	6.45	98.8
4.	Jabatan Pertanian	3.89	3.82	98.2
5.	Jabatan Perhutanan	3.24	3.03	93.5
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.71	0.69	97.2
JUMLAH		49.57	48.60	98.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

g. Bagi menjayakan RMKe-12 Negeri Perlis, peruntukan kewangan sejumlah RM384.07 juta telah diluluskan oleh Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun (2021 - 2025) untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan oleh enam jabatan/pejabat negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menerima peruntukan pembangunan tertinggi berjumlah RM190.43 juta (49.6%), diikuti Jabatan Kerja Raya berjumlah RM112.27 juta (29.2%). Seterusnya ialah Jabatan Pengairan dan Saliran yang diperuntukkan sejumlah RM34.07 juta (8.9%), Jabatan Pertanian berjumlah RM22.23 juta (5.8%), Jabatan Perhutanan berjumlah RM20.15 juta (5.2%) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM4.92 juta (1.3%). Keseluruhan perbelanjaan di bawah RMKe-12 sehingga 31 Disember 2021 berjumlah RM48.60 juta, iaitu 12.7% daripada RM384.07 juta yang diperuntukkan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN BERBANDING PERBELANJAAN SEPANJANG RMKe-12 YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	SILING PERUNTUKAN DILULUSKAN (2021 -2025) (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	190.43	16.13	8.5
2.	Jabatan Kerja Raya	112.27	18.48	16.5
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	34.07	6.45	18.9
4.	Jabatan Pertanian	22.23	3.82	17.2
5.	Jabatan Perhutanan	20.15	3.03	15.0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.92	0.69	14.0
JUMLAH		384.07	48.60	12.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

h. Semakan Audit terhadap pembayaran perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di bawah peruntukan Pemberian TAHAP bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPHNPs) dan melalui pengesahan pemeriksaan fizikal ke tapak projek pada 11 Februari hingga 16 Februari 2022 mendapati **bekalan, perkhidmatan dan kerja yang tidak disempurnakan telah dibayar sepenuhnya**. Ini menyalahi prinsip asas perakaunan dan perseimbahan penyata kewangan iaitu hanya transaksi dan perolehan aset yang lengkap sempurna (completeness) dan wujudan (existence) ditunjuk dan dipersembahkan dalam penyata kewangan.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 9 Jun 2022 dan Mesyuarat Penutup pada 16 Jun 2022

JPHNPs memaklumkan Bekalan dan Perkhidmatan telah dibayar berdasarkan siap kerja di lapangan. Bagaimanapun terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat dan telah disempurnakan oleh pihak pembekal/kontraktor dalam tempoh kecacatan yang ditetapkan. Perbendaharaan Negeri memandang serius isu ketidak aturan dari segi pembayaran dan mencadangkan satu siasatan dalaman dibuat bagi memastikan segala pembayaran yang dibuat adalah mengikut tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa. Perkara ini juga akan sentiasa ditekankan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Negeri bagi memastikan semua Ketua Jabatan sentiasa memantau dan memastikan bahawa pembayaran hanya dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang telah sempurna dilaksanakan sahaja. Semasa mesyuarat penutup pada 16 Jun 2022, JPHNPs juga memaklumkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di bawah peruntukan Pemberian TAHAP telah siap dan dibekalkan dengan sempurna.

i. Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12 Tahun 2021

- i. Pada tahun 2022, sebanyak 574 projek pembangunan RMKe-12 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh enam jabatan/pejabat. Sejumlah 559 projek (97.4%) telah siap dilaksanakan mengikut jadual, lapan projek (1.4%) masih dalam pelaksanaan dan tujuh projek (1.2%) ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RMKe-12 pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.

JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-12 PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2021	PROJEK SIAP	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	438	433	-	5
2.	Jabatan Kerja Raya	24	17	5	2
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	70	67	3	0
4.	Jabatan Pertanian	13	13	0	0
5.	Jabatan Perhutanan	22	22	0	0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7	7	0	0
JUMLAH		574	559	8	7

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan/Pejabat Negeri

CARTA 4
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-12 PADA TAHUN 2021



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Negeri

ii. Terdapat lapan projek sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Projek terlibat adalah seperti berikut:

- pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (SUK);
- pembinaan Istana Raja Muda Perlis di Arau;
- naiktaraf Masjid Nurul Hikmah Wang Bintong;
- pemasangan Pencahayaan Khas di Jalan Raja Syed Saffi (R102), Kangar, Perlis;
- naiktaraf Jalan Masuk dan Dataran Usahawan, Jeti dan Pusat Pendaratan Ikan di Tok Kuning;
- kerja-kerja membina dan menyiapkan Pejabat Operasi Pengairan dan Saliran Pertanian Serta Kerja Pengoperasian Banjir dan Kerja-Kerja Berkaitan di Mata Ayer, Perlis;
- kerja-kerja membina dan menaiktaraf pintu kawalan banjir serta kerja-kerja berkaitan di Kampung Kubang Tiga, Chuping, Perlis; dan
- kerja-kerja Pengindahan Koridor Sungai Perlis di Taman Rekreasi Sungai Kechor dan Kangar Waterfront serta kerja-kerja berkaitan, Kangar, Perlis.

iii. Pada tahun 2021, sebanyak tujuh projek berjumlah RM112.11 juta ditangguhkan melibatkan dua jabatan, satu Agensi Negeri dan satu syarikat, iaitu Bahagian Kerajaan Tempatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; JKR, PKENPs dan Syarikat Air Perlis (SAP). Penangguhan ini antaranya disebabkan perkara seperti berikut:

- projek masih didalam proses akhir untuk memuktamadkan skop kerja (BQ) sebelum proses tender dijalankan yang dijangkakan diiklankan pada penghujung tahun 2021;
- projek ditender semula disebabkan kontraktor asal telah menarik diri;
- projek masih dalam proses urusan pengambilan tanah dan perbincangan bagi menentukan skop kerja dan projek tertangguh disebabkan oleh PKP dan dijangkakan proses tender semula dan pemilikan tapak selesai pada awal tahun 2022. Senarai projek pembangunan RMke-12 yang ditangguhkan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-12 YANG DITANGGUHKAN

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB PENANGGUHAN
1.	Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Arau, Fasa IV	SAP	16.0	
2.	Projek Menaiktaraf Pam Air Mentah dan Pam Air Bersih Bertekanan Tinggi di LRA Fasa I, II dan III Serta Intake Guar Sanji	SAP	32.68	Ketiga-tiga projek masih dalam proses akhir untuk memuktamadkan skop kerja di dalam <i>Bill Of Quantity</i> (BQ) sebelum proses tender dijalankan. Dijangka diiklankan pada penghujung tahun 2021.
3.	Program Peningkatan Bekalan Air Terawat di LRA Timah Tasoh Negeri Perlis	SAP	53.60	
4.	Cadangan Meroboh dan Membina Bangunan Arked Niaga 2 Tingkat Di Atas Lot 8169 dan Sebahagian Tanah Kerajaan, Mukim Titi Tinggi, Padang Besar, Perlis	PKENPs	5.83	Projek terpaksa ditender semula disebabkan kontraktor asal menarik diri.
5.	Pembangunan Krematorium	BKT	1.00	Projek dalam proses urusan pengambilan tanah dan perbincangan bagi menentukan skop kerja.
6.	Kerja-kerja Menaiktaraf Masjid Ar-Rahman, Simpang Sanglang, Perlis	JKR	1.50	Kedua-dua projek tertangguh disebabkan oleh PKP dan dijangkakan proses tender semula dan pemilikan tapak selesai pada awal tahun 2022
7.	Kerja-kerja Menaiktaraf Masjid Darul Ulum, Wang Ulu, Bintong	JKR	1.50	
JUMLAH			112.11	

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

8.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2021, baki akaun ini meningkat sebanyak RM4.94 juta atau 1.2% menjadi RM410.66 juta berbanding RM405.72 juta pada tahun 2020. Peningkatan Akaun Penyelesaian Kerajaan adalah disebabkan Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM3 juta menjadi RM260.50 juta berbanding RM257.50 juta pada tahun 2020. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM1.85 juta menjadi RM138.06 juta berbanding RM136.21 juta manakala Akaun Pinjaman meningkat sebanyak RM0.09 juta menjadi RM11.60 juta berbanding RM11.51 juta pada tahun 2020. Peningkatan juga belaku kerana terdapat penambahan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM1.83 juta menjadi RM122.66 juta berbanding RM120.83 juta pada tahun 2020. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	260.50	257.50	3.00	1.2
2.	Akaun Pinjaman	11.60	11.51	0.09	0.8
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	138.06	136.21	1.85	1.4
BAKI PADA 31 DISEMBER		410.66	405.72	4.94	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2021 dan 2020

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh Kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini adalah bagi merekod pemberian Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan berkaitan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis (JPS), Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK) menerusi Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD), Bahagian Perumahan (BP) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT).

- b. Mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), panjang jalan raya Negeri Perlis yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2021 adalah 2,303.539 kilometer, meningkat sebanyak 15.456 kilometer berbanding 2,288.083 kilometer pada tahun 2020.
- c. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM122.66 juta berbanding RM120.83 juta pada akhir tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM1.83 juta atau 1.5%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	120.83	118.51	2.32	2.0
Terimaan	33.61	30.82	2.79	9.1
Perbelanjaan	31.78	28.50	3.28	11.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	122.66	120.83	1.83	1.5
% Penggunaan	94.6	92.5		


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- d. Terimaan pemberian penyenggaraan jalan raya daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 telah meningkat sebanyak RM2.79 juta, atau 9.1% menjadi RM33.61 juta berbanding RM30.82 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM31.78 juta atau 94.6% daripada terimaan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2021 berbanding RM28.50 juta atau 92.5% daripada jumlah terimaan tahun 2020. Pada tahun 2021, JKR telah berbelanja sejumlah RM18.06 juta, BPD sejumlah RM5.51 juta, JPS sejumlah RM5.30 juta, BP sejumlah RM1.47 juta dan MPK berjumlah RM1.44 juta.

8.4.2. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

- a. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan merekodkan terimaan dan pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Pendahuluan yang diterima ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan negeri. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM3 juta atau 1.2% menjadi RM260.50 juta berbanding RM257.50 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2016 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2017 hingga 2021

- b. Analisis Audit mendapati **Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan dalam bentuk Pendahuluan Kepada Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM40 juta yang disalurkan pada 6 Disember 2021 melalui surat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia yang bertarikh 2 Disember 2021.** Tujuannya adalah untuk menampung aliran tunai Kerajaan Negeri Perlis. Pendahuluan ini dipersetujui dibayar melalui *off-set* dengan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tiga tahun, iaitu mulai tahun 2028 hingga 2030.
- c. Pada tahun 2021, pembayaran balik Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan adalah mengikut jadual yang ditetapkan berjumlah RM37 juta. Pembayaran telah dibuat secara *off-set* dengan lima pemberian Kerajaan Persekutuan seperti berikut:
 - i. Pemberian Bayaran Tahap Pembangunan Ekonomi berjumlah RM15 juta;
 - ii. Pemberian Senarai Bersama berjumlah RM10 juta;
 - iii. Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kepada Kerajaan negeri berjumlah RM5 juta; dan
 - iv. Pemberian Defisit berjumlah RM7 juta.

8.4.3. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] dan Subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak. Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan diletakkan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.
- b. Pada tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM17,335 atau 4.6% menjadi RM397,474 berbanding RM380,139 pada tahun 2020. Penerimaan pada tahun 2021 berjumlah RM17,335 merupakan pungutan ses perhutanan manakala tiada pembayaran dilakukan sepanjang tahun 2021 dan 2020. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM)	2020 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	380,139	354,850	25,289	7.1
Terimaan	17,335	25,289	(7,954)	(31.5)
Perbelanjaan	0.00	0.00	0.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	397,474	380,139	17,335	4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

- 8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang terdiri daripada Kumpulan Wang Khas Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sebanyak RM2.43 juta atau 5.3% menjadi RM43.27 juta berbanding RM45.70 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	45.70	32.50	13.2	40.6
Penerimaan	100.73	87.83	12.9	14.7
Pembayaran	103.16	74.63	28.53	38.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	43.27	45.70	(2.43)	(5.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5.2. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh penurunan yang ketara menerusi Akaun Amanah Tabung Bencana/Malapetaka sebanyak RM2.82 juta dan Akaun Amanah Bayaran Elaun Ketua Kampung (Kementerian Kewangan) sebanyak RM0.61 juta. Selain itu, tiada Akaun Amanah baharu ditubuhkan dalam tahun 2021.

8.5.3. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka Kerajaan Negeri Perlis

- a. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka Kerajaan Negeri Perlis ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan program/aktiviti bantuan bencana atau malapetaka yang dialami oleh mangsa bencana alam. Penerimaan akaun amanah ini adalah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, sumbangan orang awam, sektor swasta dan lain-lain sumbangan.
- b. Pada akhir tahun 2021, akaun ini berbaki RM0.69 juta, iaitu menurun sebanyak RM2.82 juta atau 80.3% berbanding RM3.51 juta pada tahun 2020. Penurunan yang ketara adalah disebabkan perbelanjaan ini telah disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pentadbiran Daerah dan Pejabat Khidmat DUN bagi tujuan logistik urusetia pengurusan bencana; bantuan program agihan makanan asas (PAMA); kempen pembudayaan norma baharu; bantuan *one-off* kepada waris pesakit Covid-19; dan elaun petugas pusat khidmat.

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dikreditkan ke hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 23 akaun deposit berjumlah RM44.72 juta yang diselenggarakan oleh 11 Jabatan.

8.6.2. Pada tahun 2021, baki Akaun Deposit bagi 11 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM44.72 juta. Lima jabatan/pejabat mempunyai baki deposit melebihi RM1 juta dan enam jabatan/pejabat lain mempunyai deposit antara RM3,195 hingga RM0.30 juta. Baki deposit pada tahun 2021 menurun sebanyak RM9.06 juta atau 16.8% berbanding tahun 2020 berjumlah RM53.78 juta. Kedudukan deposit pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	4	18.89	22.30	(3.41)	(15.3)
2.	Jabatan Tanah dan Galian	2	18.47	22.04	(3.57)	(16.2)
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	1.05	0.93	0.12	12.9
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	3.82	4.82	(1.00)	(20.7)
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	2.03	3.30	(1.27)	(38.5)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	2	0.30	0.25	0.05	20.0
7.	Jabatan Perhutanan	3	0.13	0.11	0.02	18.2
8.	Jabatan Pertanian	2	0.01	0.01	0.00	0.0
9.	Jabatan Veterinar	1	0.01	0.01	0.00	0.0
10.	Jabatan Lain*	2	0.01	0.01	0.00	0.0
JUMLAH		23	44.72	53.78	(9.06)	(16.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) Jabatan lain melibatkan dua jabatan

8.6.3. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM21.25 juta deposit masih belum diwartakan melibatkan pendeposit dari tahun 1974 hingga 2020 seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 1974 SEHINGGA 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	PURATA/JULAT TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Tanah dan Galian Perlis	2	1974-2020	18.35
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	1981-2020	1.10
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	3	2015-2019	0.88
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	2	2011-2018	0.83
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis	1	2019-2020	0.07
6.	Jabatan Pertanian Negeri Perlis	2	2016-2017	0.01

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	PURATA/JULAT TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
7.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis	1	2015-2020	0.01
8.	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis	1	2014	0.00*
JUMLAH		15		21.25

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) RM3,600

8.6.4. Semakan Audit terhadap Akaun Deposit Cagaran Bekalan Air berjumlah RM4.82 juta di bawah Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri telah membuat bayaran sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pembayaran dibuat secara ansuran kepada pihak SAP iaitu sebanyak RM500,000 dibayar pada 27 April 2021 melalui baucar bayaran 21AHBB0400467 manakala RM500,000 lagi dibayar pada 17 Mei 2021 melalui baucar bayaran 21AHBB0400561.

8.6.5. Semakan Audit terhadap baki Deposit Pejabat Tanah di bawah Kod Amanah 70207 dan Kod Akaun L1112107 dalam Penyata Akaun Deposit mendapati baki pada 31 Disember 2021 berjumlah RM18.44 juta. Deposit ini merupakan premium tanah yang perlu dibayar oleh pemohon tanah kerajaan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis (PTG) secara ansuran melalui Borang 5A/Notis 5A. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya terhadap 42 daripada 125 fail pendeposit premium tanah mendapati sejumlah RM176,486.90 bayaran bagi Borang 5A/Notis 5A telah selesai diterima oleh PTG belum diselaraskan ke Akaun Hasil.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 9 Jun 2022

PTG memaklumkan telah melaraskan 31 fail pendeposit yang lengkap ke Akaun Hasil yang berjumlah RM173,958.30. Bagaimanapun, pelarasan bagi baki fail pendeposit yang dinyatakan belum dapat dilakukan kerana fail tersebut masih belum lengkap dan akan diselesaikan dengan segera.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi, pelbagai agensi dan perseorangan dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi Agensi Negeri meningkat sebanyak RM0.32 juta atau 0.3% menjadi RM107.57 juta, berbanding RM107.25 juta pada tahun 2020. Ia merupakan Pinjaman Boleh Dituntut yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) dan Yayasan Islam Perlis (YIPs).

9.1.2. Mulai tahun 2021, kategori perseorangan telah dilaporkan sebagai Memorandum Aset, Pinjaman Boleh Dituntut yang merupakan kemudahan pinjaman kepada penjawat awam iaitu pinjaman komputer berjumlah RM0.05 juta pada tahun 2021 dan pinjaman perumahan ADUN berjumlah RM0.06 juta pada tahun 2021. Pada 31 Disember 2021, jumlah keseluruhan baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM0.29 juta atau 0.3% daripada RM107.39 juta pada tahun 2020 menjadi RM107.68 juta pada tahun 2021. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
OLEH KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	KATEGORI PINJAMAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
AGENSI NEGERI/ SYARIKAT					
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	100.75	100.47	0.28	0.3
2.	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	4.90	4.90	0.00	0.0
3.	Yayasan Islam Perlis	1.92	1.88	0.04	2.1
JUMLAH KECIL		107.57	107.25	0.32	0.3
PERSEORANGAN					
4.	Pinjaman Komputer	0.05	0.06	(0.01)	(16.7)
5.	Pinjaman Perumahan ADUN	0.06	0.08	(0.02)	(25.0)
JUMLAH KECIL		0.11	0.14	(0.03)	(21.4)
JUMLAH KESELURUHAN		107.68	107.39	0.29	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.3. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2021, PKENPs dan YIPs membuat pembayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM0.10 juta dan RM0.02 juta**. Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs meningkat sebanyak RM0.04 juta atau 2.1% menjadi RM1.92 juta berbanding RM1.88 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri telah meluluskan pinjaman kepada YIPs berjumlah RM60,411.90 pada 31 Disember 2021 bagi menampung bayaran emolumen kakitangan YIPs tahun 2021.

9.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut merangkumi bayaran balik pinjaman yang matang, tetapi belum diterima daripada agensi negeri. Pada 31 Disember 2021, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM93.94 juta meningkat sebanyak RM2.77 juta, atau 3% berbanding RM91.17 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan negeri berjumlah RM94.06 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM2.89 juta dan tunggakan berjumlah RM91.17 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021

PEMINJAM	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 1.1.2021	ANUITI TAHUN 2021	JUMLAH PATUT DIJELASKAN PADA TAHUN 2021	JUMLAH DIJELASKAN/ PENJADUALAN SEMULA PADA TAHUN 2021	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.2021
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)	90.98	2.31	93.29	0.10	93.19
Yayasan Islam Perlis (YIPs)	0.19	0.58	0.77	0.02	0.75
JUMLAH	91.17	2.89	94.06	0.12	93.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- b. Analisis perbandingan antara jumlah baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2021 berbanding 2020 mendapati **prestasi bayaran balik pinjaman oleh PKENPs adalah kurang memuaskan**. PKENPs tidak membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan. PKENPs hanya membuat bayaran sejumlah RM0.10 juta atau 0.1% daripada keseluruhan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM93.29 juta. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman PKENPs meningkat kepada RM93.19 juta.
- c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs meningkat sebanyak RM0.56 juta disebabkan YIPs hanya membayar sejumlah RM0.02 juta atau 2.6% kepada Kerajaan negeri berbanding RM0.77 juta jumlah keseluruhan pembayaran yang sepatusnya dibayar.
- d. Analisis Audit selanjutnya terhadap tunggakan Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP), pada tahun 2021 mendapati tiada tunggakan yang dilaporkan kerana Kerajaan Negeri telah meluluskan penangguhan bayaran balik pinjaman (moratorium) berjumlah RM376,990. Penangguhan bayaran anuiti tahunan selama tiga tahun diberikan kepada SAP mulai dari bulan Januari 2021 sehingga Disember 2023 melalui surat kelulusan PERB.Ps.04/01/1 Jld 4(6) bertarikh 24 November 2020 oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis. Oleh itu, tiada tunggakan bayaran balik pinjaman bagi SAP pada akhir tahun 2021.
- e. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2016 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2021

PEMINJAM	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	83.04	86.78	87.85	90.98	93.19
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.00	0.31	0.00	0.00	0.00
Yayasan Islam Perlis	0.00	1.67	0.00	0.19	0.75
JUMLAH	83.04	88.76	87.85	91.17	93.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2021

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 9 Jun 2022

Pejabat Perbendaharaan memaklumkan pihak PKENPs membuat bayaran balik pinjaman berdasarkan kemampuan kewangan syarikat dan pinjaman yang dibayar hanyalah pinjaman yang mempunyai baki yang rendah. PKENPs turut membayar pinjaman yang dibuat secara terus dengan pihak Kementerian Kewangan.

Pihak YIPs pula masih mengalamikekangan kewangan menyebabkan bayaran tidak dapat dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada tahun 2022, Kerajaan negeri telah meluluskan pemberian secara geran kepada pihak YIPs bagi menampung bayaran Emolumen Tahun 2022 kakitangan YIPs. Sehingga berakhir 31 Disember 2021, baki pinjaman yang perlu dibayar oleh YIPs adalah berjumlah RM1.92 juta bagi empat pinjaman yang telah dibuat pada tahun 2017, 2019, 2020 dan 2021.

Perbendaharaan Negeri bersama-sama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah membincangkan halatuju YIPs pada 28 April 2022 dan telah bersetuju supaya YIPs memberikan fokus kepada fungsi asal iaitu pendidikan, menyediakan laporan berkenaan pelan pemulihan untuk tempoh lima tahun serta mencadangkan fungsi yang boleh dan patut dilaksanakan tetapi telah dilaksanakan oleh pihak lain. YIPs menyediakan cadangan penstrukturkan perjawatan selaras waran perjawatan yang diluluskan. Seterusnya semua cadangan dan laporan yang disediakan akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi dan Lembaga Pengarah YIPs untuk tindakan lanjut.

9.2. Hutang Awam

9.2.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan. Pada tahun 2021, baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM12.39 juta atau 4.4% menjadi RM291.73 juta berbanding RM279.34 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan terimaan bayaran pinjaman tambahan oleh Kerajaan negeri berjumlah RM14.11 juta yang terdiri daripada bayaran pinjaman Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM11.38 juta dan tiga kelulusan pinjaman baharu yang ditandatangani bagi projek bekalan air iaitu bayaran pinjaman Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Arau Fasa IV berjumlah RM0.65 juta, bayaran pinjaman Projek Menaiktaraf Pam Air Mentah dan Air Bersih Bertekanan Tinggi di Loji Rawatan Air Arau Fasa I,II dan III serta Intake Guar Sanji berjumlah RM0.61 juta dan bayaran Program Peningkatan Bekalan Air Terawat di Loji Rawatan Air Timah Tasoh berjumlah RM1.47 juta.

9.2.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri hanya membayar sejumlah RM2.8 juta bagi bayaran pinjaman membiayai projek PKENPs berjumlah RM1.78 juta, bayaran pinjaman membiayai Projek Pembangunan Semula Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.67 juta dan bayaran pinjaman membiayai Projek Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.35 juta.

9.2.3. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	119.07	120.47	(1.40)	(1.2)
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	85.06	84.37	0.69	0.8
3.	Sektor Pelbagai	69.77	59.40	10.37	17.5
4.	Sektor Bekalan Air	17.83	15.10	2.73	18.1
JUMLAH		291.73	279.34	12.39	4.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.2.4. Semakan Audit terhadap Laporan Terperinci Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2021 mendapati **Kerajaan negeri membuat pelarasan faedah ke atas baki pinjaman di bawah Projek PKENPs dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM0.38 juta dan RM0.70 juta.** Di bawah Sektor PKENPS, ia terdiri daripada dua pinjaman, iaitu pinjaman Projek Pembangunan Semula Pekan Melayu, Mukim Sena oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM0.26 juta dan Projek Kompleks Perdagangan dan Perniagaan Bumiputera, Kangar berjumlah RM0.12 juta.

9.2.5. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam, termasuk jumlah prinsipal dan faedah Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM3.99 juta atau 2.2% menjadi RM186.54 juta, berbanding RM182.55 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2020 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	111.51	110.97	0.54	0.5
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	69.48	66.90	2.58	3.9
3.	Sektor Bekalan Air	5.55	4.68	0.87	18.6
4.	Sektor Pelbagai	0.00	0.00	0.00	-
JUMLAH		186.54	182.55	3.99	2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) ditafsirkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan kepada bil yang telah dikeluarkan. Garis panduan bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dikehendaki menyediakan Laporan ABT pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan menghantar kepada Bendahari Negeri, dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara, selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 31 Januari tahun berikutnya. ABT Kerajaan negeri yang utama terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut.

10.1.1. Tunggakan Hasil


- a. Tunggakan hasil adalah hasil atau pendapatan yang berpunca daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang sepatutnya telah diterima, tetapi belum diterima oleh Kerajaan negeri. Pada tahun 2021, tunggakan hasil Kerajaan negeri dan tunggakan bayaran balik pinjaman perumahan meningkat sebanyak RM0.27 juta atau 1.3% menjadi RM20.69 juta berbanding RM20.42 juta pada tahun 2020. Tunggakan hasil yang tertinggi disumbangkan oleh cukai tanah, jualan air dan bayaran ansuran jualan Rumah Awam Kos Rendah yang keseluruhannya berjumlah RM20.45 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan negeri mengikut jabatan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37** dan kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Carta 6**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah dan Galian (Cukai Tanah)	14.44	13.73	0.71	5.2
2.	Jabatan Kerja Raya (Jualan Air)	4.30	4.30	-	-
3.	Pejabat SUK (Ansuran Perumahan Awam)	1.71	2.20	(0.49)	(22.3)
4.	Pejabat SUK (Sewa Gerai)	0.19	0.15	0.04	26.7
5.	Jabatan Perhutanan (Permit Dusun)	0.05	0.04	0.01	25.0
JUMLAH		20.69	20.42	0.27	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 6
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. Pada tahun 2021, tunggakan Cukai Tanah, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis (PTG) meningkat sejumlah RM0.71 juta kepada RM14.44 juta berbanding RM13.73 juta pada tahun 2020. Analisis audit mendapati, PTG telah mensasarkan kutipan tunggakan Cukai Tanah sebanyak 18% daripada jumlah tunggakan tahun 2020 iaitu berjumlah RM2.47 juta dan berjaya membuat kutipan balik tunggakan sebanyak RM2.03 juta atau 82.2% daripada sasaran yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tunggakan Cukai Tanah bagi tahun semasa telah meningkat sejumlah RM0.71 juta dan menyebabkan jumlah Akaun Belum Terima (Tunggakan Cukai Tanah) meningkat berbanding tahun 2020.
- c. Pada tahun 2021, tunggakan hasil Jualan Air berjumlah RM4.30 juta tidak berubah berbanding tahun 2020 berjumlah RM4.30 juta. Analisis Audit mendapati, Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis melalui surat kelulusan bertarikh 5 Januari 2017 menetapkan SAP perlu membayar kepada Kerajaan negeri secara ansuran berjumlah RM75,000 sebulan bagi tempoh 104 bulan mulai bulan Januari 2017 sehingga Ogos 2025. Tiada kutipan bagi bayaran tunggakan Jualan Air adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah memberi moratorium pembayaran tunggakan Jualan Air kepada SAP selama tiga tahun bermula dari September 2020 hingga September 2023.

- d. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2021, Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjaya mengurangkan tunggakan ansuran perumahan awam berjumlah RM0.49 juta kepada RM1.71 juta berbanding RM2.20 juta tahun 2020.** Antara inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan negeri dalam mengurangkan tunggakan ansuran perumahan awam adalah dengan perlaksanaan Pasukan Petugas (Task Force) penstrukturkan semula dan penyelesaian bayaran ansuran perumahan awam.
- e. Merujuk kepada pemerhatian Audit tahun 2020 mendapati tunggakan Hasil Sewa Rumah bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) berjumlah RM1.94 juta tidak dilaporkan dalam Penyata Ringkas Tunggakan Hasil (Akaun Belum Terima) di Nota Kepada Penyata Kewangan. Ini menyebabkan tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang belum terima telah terkurang nyata.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 3 Mei 2021

Pejabat Perbendaharaan Negeri memaklumkan berkenaan surat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) rujukan KPCT(07)/UP/203(24) bertarikh 2 Disember 2020. Melalui surat tersebut dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Oktober 2020 bersetuju melaksanakan penyerahan secara pajakan PPR Disewa yang dibangunkan di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) kepada Kerajaan negeri. Ini adalah selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan iaitu hasil sewaan yang diterima dibenar untuk diguna pakai oleh Kerajaan negeri bagi tujuan penyenggaraan. Sehingga 31 Disember 2021, proses penyerahan secara pajakan PPR Disewa kepada Kerajaan Negeri masih dalam tindakan KPKT. Tunggakan hasil sewaan PPR akan dilaporkan di dalam Penyata Ringkas Tunggakan Hasil selepas penyerahan aset pajakan tersebut selesai.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 9 Jun 2022

Pejabat Perbendaharaan memaklumkan berkenaan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bil. 1/2022 yang bersidang pada 10 Februari 2022 telah membentangkan hala tuju baharu PPR termasuklah cadangan berkaitan pembinaan PPR di atas tanah Kerajaan Negeri tanpa perlu dipindah milik kepada PTP. Pihak Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Perumahan, KPCT pada 2 Jun 2022 memohon status terkini perlaksanaan pajakan melalui rujukan BN.PS.03/053 Jld. 6(41) bertarikh 2 Jun 2022.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada akhir tahun 2021 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

- 11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2021 menurun sebanyak RM28.88 juta menjadi RM38.24 juta;
- 11.2. kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM0.32 juta atau 0.3% menjadi RM114.02 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak RM4.49 juta menjadi RM132.69 juta;
- 11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit berjumlah RM23.16 juta pada tahun 2021. Defisit meningkat sebanyak RM4.17 juta atau 22% berbanding defisit RM18.99 juta pada tahun 2020. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM497.02 juta atau 4.9% berbanding RM473.86 juta pada tahun 2020;
- 11.4. Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM12.39 juta atau 4.4% menjadi RM291.73 juta;
- 11.5. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM3.99 juta menjadi RM186.54 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri kepada Kerajaan negeri juga meningkat sebanyak RM2.77 juta atau 3% menjadi RM93.94 juta; dan
- 11.6. Akaun Belum Terima atau Tunggakan Hasil meningkat sebanyak RM0.27 juta atau 1.3% menjadi RM20.69 juta berbanding RM20.42 juta pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan, Kerajaan Negeri Perlis adalah disyorkan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

- 12.1. berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk menggiatkan usaha bagi mengutip tunggakan hasil dan mengurangkan baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada jabatan dan agensi kerajaan terlibat. Dalam masa yang sama, perbelanjaan secara berhemat perlu terus diamalkan;

- 12.2. mengawal perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima dan tidak menjaskan peruntukan tahun semasa; dan
- 12.3. memastikan akaun deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, diambil tindakan pewartaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan sepertimana ketetapan Arahan Perbendaharaan 162.